

Pemilik premis rayu anak sungai dibersihkan

Rugi RM10,000 akibat banjir

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
kota@utusan.com.my

RAWANG 22 Okt. - Pemilik premis di sekitar Batu 22, Jalan Ipoh Lama menggesa agar anak sungai di belakang premis mereka disenggara bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan itu sejak kebelakangan ini.

Mereka mendakwa terpaksa menanggung kerugian sehingga mencecah lebih RM10,000 akibat banjir kilat yang boleh dikatakan akan berlaku setiap kali hujan lebat.

Seorang pemilik bengkel kereta, **V. Mohanabass**, 55, berkata, bencana itu didapati berlaku sejak akhir-akhir ini yang didakwa mungkin berpunca daripada projek pembangunan berhampiran kawasan tersebut.

Katanya, sebelum wujud projek pembangunan berkenaan, kawasan itu sudah 20 tahun tidak mengalami



V. MOHANABASS



A. RAMKUMAR



JESSIE Ooi (kanan) bersama beberapa pemilik premis menunjukkan anak sungai yang tidak dapat menampung air apabila hujan lebat sehingga menyebabkan banjir kilat di Bukit Rawang Jaya, Rawang, Selangor, semalam. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM

banjir.

Katanya, dia percaya ia disebabkan oleh tanah merah serta pasir dari tapak pembinaan telah masuk ke dalam anak sungai yang menyebabkan

kan sungai itu menjadi cetak.

"Akhir-akhir ini, dalam sebulan, boleh dikatakan tiga hingga empat kali bengkel saya dimasuki air sehingga setinggi kira-kira satu meter

yang menyebabkan banyak barang rosak.

"Saya berharap agar sungai itu dapat disenggara supaya air dapat mengalir dengan baik dan tidak me-

limpah apabila hujan. Ini kerana apabila banjir saya menanggung kerugian sehingga RM10,000," katanya ketika ditemui di bengkelnya di sini hari ini.

Sementara itu, **A. Ramkumar**, 48, berkata, dia pernah membuat laporan kepada pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Gan Pei Nei mengenai perkara tersebut.

"Namun, beliau hanya menghantar wakil untuk melihat kawasan ini dan sehingga sekarang tiada tindakan penyelesaian yang diambil.

"Kami juga tidak diberi apa-apa pampasan atas kejadian banjir yang telah menyebabkan kerugian ribuan ringgit," ujarnya.

Dalam pada itu, Pegawai Penye-laras Parlimen Selayang, **Jessie Ooi** yang mengadakan lawatan ke kawasan itu berjanji akan menulis surat kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membersihkan sungai tersebut.

Menurutnya, keadaan sungai yang tidak terjaga dan tidak disenggara dipercayai menyebabkan banjir kilat sering berlaku di situ.

"ADUN Rawang, Gan Pei Nei juga harus turun padang dan menjalankan kerjanya iaitu mendengar masalah yang dihadapi oleh rakyat.

"Di samping itu, JPS juga perlu menjalankan pembersihan sungai mengikut jadual. Penduduk memberitahu, sungai ini sudah lama tidak dibersihkan," jelasnya.